

B B229 DEB  
MAHATHIR - DEWAN R R R

KOTA KINABALU: 8 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT YANG PADA MULANYA DIJADUAL PADA 14 JULAI DITUNDA KEPADA 21 JULAI KERANA BEBERAPA RANG UNDANG-UNDANG MASIH BELUM SIAP UNTUK DIBENTANGKAN.

KATANYA OLEH KERANA BEBERAPA RANG UNDANG-UNDANG YANG PENTING TERLEWAT DISIAPKAN KERANA PROSES-PROSES BIASA, BELIAU MEMUTUSKAN UNTUK MENUNDA TARIKH PERSIDANGAN SELAMA SEMINGGU.

PERDANA MENTERI BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SEBUAH HOTEL DI SINI TENGAH HARI INI SETELAH MENGAKHIRI LAWATAN DUA HARINYA KE SABAH. KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN DAN ANGGOTA KABINET NEGERI TURUT HADIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SUKAR MENERIMA ALASAN BAHAWA OLEH KERANA KERAJAAN TIDAK MENGUMUMKAN TARIKH PILIHAN RAYA RAKYAT HILANG KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERSETUJU DENGAN PANDANGAN BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN DAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM BARU-BARU INI BAHAWA RAKYAT TERTANYA-TANYA BILAKAH PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN DAN TEKA-TEKI ITU HENDAKLAH DITAMATKAN.

+TENTANG TARIKH PILIHAN RAYA, SAYA MASIH TAK NAMPAK BAYANGNYA,+ KATANYA BERSELOROH APABILA DIMINTA MEMBAYANGKAN TARIKH ITU. -- LAGI.  
1709MST 08 07 86

D195

B B230 DEB  
MAHATHIR - DEWAN 2 KOTA KINABALU R R R

BELIAU JUGA TIDAK DAPAT MENYATAKAN BILAKAH MESYUARAT BIRO POLITIK UMNO YANG DIJANGKA MENETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA ITU, AKAN DIADAKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG SEBELUM ITU MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL SABAH DARI PARTI BERSATU SABAH (PBS), BERJAYA DAN USNO BERKATA MEREKA TELAH BERBINCANG TENTANG PEMBAHAGIAN KERUSI, CARA TINDAKAN BARISAN DI SABAH MENGHADAPI PILIHAN RAYA DAN PROSEDUR MENGENAI MESYUARAT.

KATANYA SEMUA KEPUTUSAN TERMASUK MENETAPKAN PEMBAHAGIAN KERUSI KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN AKAN DIPUTUSKAN OLEH IBU PEJABAT BARISAN NASIONAL KELAK.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENASIHATI SEMUA PARTI DALAM BN SUPAYA TIDAK MELETAKKAN CALON BEBAS DALAM PILIHAN TERSEBUT.

+KAMI SUDAH PASTI TIDAK AKAN MENERIMA CALON-CALON BEBAS,+ TEGASNYA.

MENGENAI LAWATANNYA SELAMA DUA HARI KE SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN APA YANG TELAH DILIHATINYA SEPERTI KEMUDAHAN TERMINAL LAPANGAN TERBANG DAN TERMINAL FERI MALAYSIA YANG HAMPIR SIAP DILAKSANAKAN. -- LAGI.

1713MST 08 07 86

0257

B 8252 DEB  
MAHATHIR - DEWAN 3 KOTA KINABALU

BELIAU JUGA GEMBIRA MENDAPATI BAHAWA PEMBENTUKAN BARISAN NASIONAL DI SABAH DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK DAN KESEMUA PARTI BERSETUJU MENGGUNAKAN SIMBOL BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

BAGAIMANAPUN, PADA PILIHAN RAYA NEGERI DISEBABKAN KEADAAN YANG UNIK DI SABAH, KEBIASAAN SETIAP PARTI BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL SENDIRI AKAN TERUS KEKAL, KATANYA.

MENGENAI PINDAAN TERHADAP PERLEMBAGAAN SABAH UNTUK MENGHALANGI ANGGOTA DEWAN NEGERI MELOMPAT DARIPADA SATU PARTI KE PARTI LAIN, BELIAU BERKATA TERSERAHLAH KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN KATANYA, BELIAU TIDAK NAMPAK PERLUNYA IA DILAKUKAN PADA PERINGKAT PERSEKUTUAN.

APABILA DIMINTA MENJELASKAN KENYATAANNYA SEMALAM MENGENAI PERLUNYA RAKYAT MENGEKALKAN KERAJAAN YANG STABIL DAN MEMPUNYAI MAJORITI DUA PERTIGA KERUSI DI PARLIMEN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ITU BUKANLAH SATU ANCAMAN. -- LAGI.

1737MST 08 07 86

D215

B 8258 DEB  
MAHATHIR - DEWAN 4 KOTA KINABALU

+KERAJAAN HANYA INGIN MENERANGKAN KEPADA RAKYAT BAGI MEMASTIKAN MEREKA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG KUAT DAN STABIL SUPAYA DAPAT MENJALANKAN PENTADBIRAN NEGARA DENGAN BAIK,+ JELASNYA.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA MELALUI BARISAN NASIONAL KEKUATAN DUA PERTIGA BUKANLAH DIMILIKI OLEH SESUATU PARTI TERTENTU TETAPI OLEH SATU GABUNGAN YANG BESAR.

UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU DASAR KESEMUA PARTI GABUNGAN HENDAKLAH MEMBERI SOKONGAN, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA DAKWAAN PENENTANGAN TERHADAP KEPIMPINAN KETUA PEMUDA UMNO ENCIK ANWAR IBRAHIM MENGGAMBARAKAN PENENTANGAN DATUK MUSA HITAM TERHADAP BELIAU, HANYALAH REKAAN AKHBAR SAHAJA.

+SEBENARNYA TIDAK WUJUD PERTENTANGAN DI ANTARA KAMI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA AKHBAR MEMANG GEMAR MENCIPTA SESUATU SEPERTI KERAJAAN 2M DAN SEKARANG PULA +MG.+ TETAPI ITU SEMUA TIDAK BENAR. -- BERNAMA.

1747MST 08 07 86